

B. Pilih ayat yang betul.

1. A Cikgu Hani berpesan kepada kami agar tidak bising walaupun berada di dalam perpustakaan.
B Manakala leka memilih barang, Yati disapa oleh jiran lamanya.
C Wendy membuat persiapan semenjak esok dia akan menghadiri temu duga.
D Ibu mencedok lauk di dalam periuk lalu menghidangkannya kepada ayah.
2. A Rahim dapat berlari dengan lajunya walaupun badannya agak gempal.
B Suhaira menyapu lantai supaya Janet menyusun meja.
C "Ibu berharap untuk kamu tidak mengikut jejak langkah abang kamu itu," kata ibu.
D Natisha ditegur oleh ayahnya lalu lewat pulang ke rumah.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- (i) Puan Hana yakin yang tindakannya terhadap anaknya itu betul.

- (ii) "Awak hendak ikut kami serta tidak?" tanya Dalilah.

- (iii) Bella suka bermain anak patung sambil adiknya pula suka bermain basikal.

- (iv) Sungguhpun dia anak orang kaya lantas dia tidak sombong.

- (v) Surfina menggunakan duit tabungunya kerana membeli buku.

B. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

Entah ... entah
yang

kerana
Jangankan ... pun

kecuali

- (i) Kereta _____ dipandu oleh wanita itu terbabas ke bahu jalan.
- (ii) Jia Hui tidak jadi pergi ke rumah rakannya _____ hujan lebat.
- (iii) Semua murid hadir semasa mesyuarat persatuan itu _____ Fateha.
- (iv) _____ betul, _____ tidak khabar yang dibawa oleh Mak Cik Salma itu.
- (v) _____ awak, rakan baiknya sendiri _____ tidak dijemput ke majlis itu.